

30/01/2003

Straits Times cuba lagakan KL-Jakarta

KUALA LUMPUR: Singapura semalam cuba melaga-lagakan Malaysia dan Indonesia dengan mendakwa Malaysia bertindak kasar terhadap Indonesia, termasuk melepaskan tembakan amaran kepada anggota tentera Indonesia, bagi mengukuhkan tuntutan terhadap kedaulatan Pulau Sipadan dan Ligitan sebelum ini.

Akhbar Straits Times yang melancarkan kempen memburuk-burukkan Malaysia berhubung isu air sejak Ahad lalu, juga mendakwa pihak Indonesia mempertikaikan kenyataan Perdana Menteri, Datuk Seri Dr Mahathir Mohamad, Ahad lalu bahawa Malaysia tidak bertindak kasar sebagaimana Singapura dalam isu Pulau Batu Putih.

Laporan dari Jakarta yang kononnya memetik sumber risikan Indonesia itu mendakwa Malaysia membina resort pelancongan di Pulau Sipadan walaupun Indonesia membuat bantahan diplomatik, selain menyusahkan rakyat Indonesia yang melawat pulau berkenaan.

Ia mendakwa seorang pegawai kanan risikan Indonesia sebagai berkata pasukan keselamatan Malaysia yang mengawal pulau berkenaan pernah menembak ke arah anggota tentera Indonesia kerana berada terlalu hampir.

"Kami sentiasa diarah untuk berundur bagi mengelakkan konflik menjadi besar, dan kejadian berkenaan dilaporkan kepada kerajaan walaupun ia tidak pernah diumumkan bagi melindungi usaha diplomatik," pegawai itu dipetik sebagai berkata.

Laporan itu turut memetik sumber lain sebagai berkata, ketegangan di antara Malaysia dan Indonesia meningkat pada pertengahan 1990-an apabila tentera laut kedua-dua negara memperhebatkan rondaan di kawasan berkenaan bagi memperkukuhkan tuntutan masing-masing.

Sumber itu juga berkata ada beberapa laporan pergaduhan kecil berhampiran kedua-dua pulau itu.

Menurut Straits Times itu yang seolah-olah cuba menghalalkan tindakan Singapura berhubung isu Pulau Batu Putih, apa yang didedahkan sumber dari Indonesia itu bertentangan dengan kenyataan Dr Mahathir Ahad lalu.

Perdana Menteri, ketika mengulas kenyataan Menteri Pertahanan Singapura, Tony Tan, yang memberi amaran kepada Malaysia supaya tidak memasuki perairan Pulau Batu Putih, berkata Malaysia tidak mengusir kapal tentera laut Indonesia yang berada di Pulau Sipadan sebelum kedaulatan pulau itu diputuskan ICJ.

Beliau berkata, berbeza dengan tindakan kasar Singapura terhadap Malaysia berhubung Pulau Batu Putih, Malaysia membenarkan Indonesia

memasuki Pulau Sipadan dan Ligitan.

"Di Sipadan, rakyat Indonesia pergi ke sana dan ada yang mendarat di sana. Kita tidak menghalang mereka. Kita tidak bertindak seperti Singapura, kita tidak mengusir mereka," katanya.

ICJ pada 17 Disember lalu memutuskan bahawa Malaysia mempunyai hak terhadap kedaulatan Pulau Sipadan dan Ligitan.

Laporan Straits Times itu juga memetik bekas diplomat kanan dan pakar undang-undang maritim antarabangsa, Hasyim Djalal, bahawa rakyat Indonesia

yang ingin ke kedua-dua pulau itu terpaksa melalui proses yang ketat sebelum permohonan mereka ditolak.

Ia juga mendakwa butiran mengenai sikap Malaysia itu didedahkan dalam laporan majalah mingguan Tempo baru-baru ini.